
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2006/2007

Oktober/November 2006

HGG 350 - PERANCANGAN PEMBANGUNAN WILAYAH

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan. Soalan No. 1 WAJIB dijawab dan mana-mana TIGA soalan yang lain

...2/-

1. Menurut Milton Ospina (2003), "no matter how large or small your community, as a planner you deal with spatial information..." Menggunakan contoh-contoh yang relevan bincangkan bagaimana sistem maklumat geografi membantu dalam perancangan dan pembangunan sesebuah wilayah.
[25 markah]
2. Jelaskan jenis-jenis masalah wilayah. Merujuk kepada mana-mana teori atau model yang sesuai, huraikan mengapa ketidakseimbangan dalam pembangunan antara wilayah berlaku.
[25 markah]
3. Jelaskan elemen-elemen utama dalam teori pembangunan klasik. Huraikan bagaimana tanggapan kepada elemen buruh dan modal berubah dalam teori-teori selepasnya dan nyatakan pertimbangan-pertimbangan lain yang mempengaruhi pembangunan ekonomi sesuatu wilayah.
[25 markah]
4. Institusi pendidikan pengajian tinggi semakin menonjol peranannya dalam pembangunan ekonomi tempatan dan wilayah. Merujuk kepada contoh-contoh sesuai, huraikan peranan yang boleh dimainkan oleh institusi pendidikan pengajian tinggi di negara ini dalam membangunkan potensi industri dan potensi sumber tenaga.
[25 markah]
5. Globalisasi ekonomi dunia telah merubah sempadan wilayah tradisional. Merujuk kepada mana-mana kelompok kerjasama ekonomi wilayah, sejauh mana anda bersetuju bahawa pembangunan rentas sempadan adalah menjadi teras dalam pembangunan wilayah masa kini.
[25 markah]
6. Jelaskan konsep bandar baru. Merujuk kepada bandar Bayan Baru, Bandar PERDA atau mana-mana bandar baru, bincangkan ciri-ciri utama dan peranan dalam membangunkan ekonomi wilayah.
[25 markah]

...3/-